

16/10/2003

Tambahan ringgit diteruskan: Dr M

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengulangi Malaysia akan meneruskan tambatan ringgit kepada dolar Amerika Syarikat (AS) kerana ia memudahkan perniagaan membuat perancangan masa depan.

"Anda tidak rugi apa-apa dengan menambat (ringgit kepada dolar), tetapi anda akan rugi sesuatu dengan membenarkan apungan bebas," kata Perdana Menteri dalam temu bual dengan Bernama kelmarin.

Malaysia melaksanakan tambatan ringgit kepada dolar pada 1 September 1998 ketika krisis kewangan serantau memuncak bagi menghalang manipulasi ringgit oleh spekulator.

Ringgit masih ditambat pada kadar RM3.80 bagi satu dolar walaupun mata wang AS itu sudah merosot kebelakangan ini.

Dalam temu bual itu, Dr Mahathir memberi amaran, jika ringgit dibenarkan terapung, orang yang sering membuat spekulasi dan manipulasi mungkin memporak-perandakan keadaan di pasaran.

Dengan kadar tukaran tetap, katanya, perniagaan boleh merancang untuk masa depan dan pada akhirnya, tidak akan rugi.

"Tetapi dengan kadar terapung, kita kena membuat perlindungan nilai, dan aktiviti perlindungan nilai ini memerlukan wang. Jadi, kenapa kita hendak menaikkan kos menjalankan perniagaan dengan mengapungkan mata wang," tegasnya.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia akan mengekalkan kadar tukaran tetap itu sehingga ia tidak lagi memberikan manfaat kepada negara.

Mengenai kemajuan dalam penggunaan dinar emas sebagai mata wang penjelasan antara negara, beliau berkata, Malaysia sedang berusaha supaya cadangan itu diterima secara meluas.

Beliau berkata, tidak mudah untuk meyakinkan orang yang sudah selesa dengan dolar.

Dr Mahathir berkata, dinar emas bukan untuk penggunaan atau urus niaga dalam negara tetapi untuk tujuan perdagangan dengan negara lain.

Beliau berkata, dinar emas boleh menjadi alternatif yang baik kepada dolar dan Malaysia sedang mengusahakannya dengan beberapa negara untuk menunjukkan bagaimana itu boleh dilakukan.

"Apabila kita tunjukkan ini boleh dilakukan, negara lain akan turut serta," katanya.

Dr Mahathir berkata, dolar tidak mempunyai nilai hakiki dan ia hanya sekeping kertas dengan nombor yang tertulis di atasnya.

Beliau berkata, dolar boleh meningkat atau merosot dan hari ini mata wang itu berada 30 peratus lebih rendah daripada nilainya kira-kira setahun lalu.

"Jadi, wang kertas boleh berubah. Tetapi emas, ia mempunyai nilai di pasaran. Sekurang-kurangnya apa yang anda boleh lakukan ialah menjualnya di pasaran kepada orang lain yang boleh menggunakannya sebagai barang kemas atau apa saja.

"Tetapi anda tidak boleh menjual kepingan kertas untuk mendapatkan sesuatu," katanya.

Mengenai hasil mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun, Mexico bulan lalu, apabila negara membangun menghalang cadangan berat sebelah negara maju, Dr Mahathir berkata, negara membangun tidak sepatutnya berhenti setakat itu.

Mereka seharusnya mengesyorkan agenda sendiri di Cancun agar agihan kekayaan menjadi lebih adil, katanya.

Beliau juga berkata, keupayaan Malaysia untuk mendapatkan sokongan daripada negara membangun di Cancun boleh diandaikan sebagai satu kejayaan perkongsian pintar.

Sementara itu, ketika mengulas mengenai kemajuan sesetengah syarikat Malaysia di pasaran dunia, Dr Mahathir menyebut Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) sebagai salah sebuah daripadanya.

Namun, katanya, ada juga syarikat Malaysia yang gagal kerana tiada siapa yang boleh menjamin kejayaan dalam perniagaan.

Beliau menamakan Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) sebagai salah satu contoh.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun Perwaja Steel gagal bukan kerana ia adalah idea yang bodoh untuk mengadakan industri berat di Malaysia, tetapi kerana orang yang bertanggungjawab mengurusnya tidak tahu bagaimana hendak mengurus.

"Bukan idea yang salah, ia adalah kegagalan pengurusan. Pengurusan peringkat tertingginya pada satu masa mengendalikan operasi dari Kuala Lumpur, walaupun kilang keluli berada di Terengganu, katanya.

Mengenai bagaimana Perwaja Steel rugi sedangkan permintaan untuk produk keluli ketika itu berada pada tahap tertinggi, Dr Mahathir berkata, walaupun ada permintaan, jika kos pengeluarannya melebihi harga jualan, ia sudah tentu rugi.

"Mereka (Perwaja Steel) mengeluarkan keluli yang mereka tidak boleh jual dan operasi kilang terhenti. Itulah yang berlaku kepada Perwaja Steel," katanya.

Bagaimanapun, dalam kes Proton, Dr Mahathir berkata, pada peringkat awal, ia tidak mencatatkan prestasi yang baik dan beliau terpaksa membawa pakar dari Jepun untuk mengurusnya.

"Orang Jepun memulihkannya dan hari ini ia mencatatkan pencapaian yang baik," katanya.